

## **AKTA PERHUBUNGAN RAYA MALAYSIA DEMI MEMARTABATKANNYA SELAKU SUATU PROFESION**

**Mohd Hamdan bin Haji Adnan**

*Profesion perhubungan raya (PR) hingga ke abad 21 ini masih belum dianggap sepenuhnya sebagai suatu kerjaya yang tulen. Iaitu, seperti bidang perubatan, farmasi, kejuruteraan, arkitek, dll. Ini kerana sehingga kini belum ada lagi suatu akta yang khusus untuk memartabatkan kerjaya PR sebagai suatu profesion yang tulen dan beretika. Iaitu, sama seperti yang berlaku dalam profesion beriktiraf melalui akta bagi mengawal amalan ahli-ahlinya. Iaitu, selain daripada mempunyai suatu kumpulan pegetahuannya yang tersendiri serta memiliki badan profesionalnya yang khusus mengawal kerjaya berkenaan. Artikel ini menyarankan penggubalan khusus suatu akta profesion perhubungan raya serta membincangkan faedah-faedah yang boleh dinikmati melaluinya. Turut dibincangkan ialah kekuatan dan kelemahan akta berkenaan dan bagaimana akhirnya ia mampu memartabatkan profesion PR serta pengamalannya.*

*The Public Relations practice till today in the 21st century is still not considered as a full profession like medicine, engineering, law, architect and the like. One of the main factor for this lack of recognition is the absence of a specific law regulating the public relations professionals. As such, anyone can claim to be a public relations professionals. This make the public relations profession very susceptible to fraudulent practitioners. This paper is to make a case for the enactment of a Public Relations Profession Act via the Institute of Public Relations Malaysia (IPRM). The Act is to ensure only those with the relevant training and experiences are allowed to label themselves as a public relations practitioner through an accreditation programme by IPRM.*

**Kata Kunci:** Akta, etika, kerjaya, media, pengamal, perhubungan raya profesion dan profesional

### **Latar Belakang**

Kini amalan perhubungan raya (PR) atau lebih disebut sebagai perhubungan awam telah mencapai tahap global yang merentasi sempadan politik dan budaya. Kematangan perhubungan raya sebagai satu profesion adalah berasaskan kepada peningkatan pesat jumlah pengamalannya serta institusi-institusi yang menawarkan bidang pengkhususannya dan bilangan akademi yang menjalankan kegiatan pendidikan, khasnya dalam bidang komunikasi. Bagaimanapun, PR masih sukar untuk dipastikan sebagai profesion tulen. Ini kerana kegiatan-kegiatan dan kursus-kursusnya adalah meluas dan pelbagai. Maka,

hingga kini hanya empat negara telah memiliki undang-undang yang berkaitan dengan profesion perhubungan raya dan suatu negara melalui piagam di raja, iaitu Britain.

Menurut "Reed's Worldwide Directory of Public Relations" (1994) kini ada lebih daripada 200 badan profesional perhubungan raya dalam 70 buah negara yang dianggotai oleh lebih 150,000 ahli. Global Alliance for Public Relations and Communication Management (2015 – Homepage) badan profesional sejangat perhubungan raya pula menganggarkan bahawa kini ada lebih tiga juta orang yang kerjaya mereka adalah sebagai pengamal perhubungan raya atau PPR.

Di Amerika Syarikat, Biro Perangkaan Pekerjaannya (2015) telah meramalkan pertumbuhan kerjaya PR yang menggalakkan sebanyak 12% di antara tahun 2012 ke 2022 di mana tambahan 27,400 profesional adalah diperlukan. Kini kerjaya PR adalah di tempat 75 menurut U.S News & World Report selaku kerja terbaik kerana sumbangannya yang cermelang kepada kemajuan negara itu.

Di Britain pula "Chartered Institute of Public Relations (2015 – Homepage) menganggarkan bahawa di negara tersebut ada seramai 50,000 PPR. Di Malaysia dianggarkan mungkin mereka yang terlibat dalam kerjaya PR adalah melebihi 25,000 orang. Ini adalah berasaskan kepada jumlah agensi kerajaan yang memiliki PPR serta peningkatan syarikat global dan tempatan serta pertubuhan bukan kerajaan yang kian banyak melantik pakar PR untuk membantu meningkatkan keterlihatan atau kenampakkan mereka serta memiliki citra yang tepat bagi memajukan serta melestarikan imej dan reputasi mereka yang positif.

Seterusnya, dari segi pendidikan dan latihan jumlah institusi yang menawarkan pengkhususan dan beberapa kursus dalam PR kian pesat meningkat. Menurut Laman Web International Public Relations Association (2015) di Amerika Syarikat sahaja dianggarkan lebih 200 universiti dan di Eropah lebih 100 universiti menawarkan pengkhususan dalam bidang PR. Di negara-negara lain peningkatan pendidikan dan latihan PR turut memberangsangkan. Ini termasuk Malaysia yang kini lebih 10 universiti menawarkannya pengkhususan dalam bidang PR.

Dunia global kini kian terbuka dan bersifat persaingan hebat. Ini bukan sahaja di peringkat tempatan dan negara tetapi juga di tahap antarabangsa. Suasana ini kian mencabar dengan peningkatan pesat teknologi komunikasi serta penggunaan media sosial yang semakin meluas lalu membuat pengaliran maklumat bersifat spontan, menyeluruh dan mendalam pada setiap masa.

Maka, ini memerlukan setiap organisasi mahupun pemimpin untuk cekap berkomunikasi dan mempromosikan diri bagi memastikan dan meningkatkan penerimaan khalayak-khalayak serta mengharumkan namanya (reputasi positif).

Lazimnya, tugas untuk berkomunikasi dan mempromosi serta urusan tanggungjawab sosial adalah di bawah bidang kepakaran pengamal perhubungan raya. Akibatnya, profesion perhubungan raya kian amat berpengaruh. Maka, ia memerlukan keprofesionalan tinggi dan kod etika amalan wajib dipatuhi demi kepentingan awam dan negara.

Walaupun, tugas penyaluran maklumat, tanggungjawab sosial dan membina reputasi yang sesuai serta melestarikan nama baik organisasi ini resminya dibuat oleh pengamal perhubungan raya namun profesion ini sendiri sering dilabel dengan imej yang negatif. Ini terjadi kerana ketiadaan akta atau piagam yang mampu meyakinkan pengguna mengenai keprofesionalannya.

Persepsi ini hanya boleh dihindari dengan adanya suatu akta atau piagam yang mampu memastikan bahawa setiap pengamal PR memiliki kelayakan dan pengalaman yang sesuai dengan bidang kepakaran, kod amalan profesion atau etika amalan perhubungan raya yang boleh dikuatkuasakan, sistem dan kaedah pentauliahan yang telus dan diyakini, keperluan pendidikan sepanjang hayat, dll. Selagi keperluan ini tidak diwajibkan bawah suatu akta atau piagam usaha untuk meningkatkan martabat profesion perhubungan raya akan terus sangat mencabar. Piagam ialah hak dan tanggungjawab yang dianugerahkan oleh sesebuah negara manakala akta ialah undang-undang yang digubal dan diluluskan di parlimen.

### **Peranan Institut Perhubungan Raya Malaysia (IPRM)**

Di Malaysia idea untuk mengadakan Akta Profesion Perhubungan Raya Malaysia (APPRM) tercetus dengan penubuhan IPRM pada 1962. Para pengasas IPRM ketika itu mahu memastikan hanya mereka yang terlatih dan berpengalaman dalam bidang perhubungan raya sahaja yang layak mengelar diri mereka selaku pengamal perhubungan raya profesional. Mereka juga mencadangkan bahawa suatu piagam perhubungan raya dipohon daripada pihak berkuasa bagi memastikan hanya yang layak boleh diiktirafkan selaku pengamal perhubungan raya profesional yang berakreditasi. Para pengasas IPRM berharap melalui kaedah tersebut kedudukan kerjaya perhubungan raya selaku suatu profesion yang sah dapat diperolehi. Tanpanya, kedudukan perhubungan raya sebagai suatu profesion akan terus disoalkan.

Pada tahun 1999, ketika penulis adalah Presiden IPRM suatu cadangan untuk menggubal Akta Profesion Perhubungan Raya Malaysia (APPRM) telah diberi kepada Kementerian Penerangan dan Pejabat Peguam Negara. Dalam menyediakan kertas cadangan ini beberapa akta badan profesional seperti Bar Council dan Malaysian Institute of Accountants telah dikaji. Turut dikaji ialah Akta Komunikasi Nigeria 2003, Chartered Institute of Public Relations UK. Juga, dikaji ialah perlembagaan International Public Relations Association (IPRA) dan Global Alliance. Kesemua bahan ini diambil kira dalam menyediakan kertas cadangan PRPA.

Pada 23<sup>hb</sup> Oktober 1999 Majlis ke 16 IPRM yang diketuai oleh Mohd Hamdan Adnan selaku Presiden telah diundang oleh Pejabat Peguam Negara untuk membincangkan butiran cadangan APPRM. Selepas beberapa perbincangan dengan pihak-pihak berkenaan seperti Majlis Peguam, IPRM pada 2<sup>hb</sup> November 2000 telah mengemukakan suatu cadangan baru secara rasmi kepada Kementerian Penerangan untuk penggubalan APPRM.

Pada 30<sup>hb</sup> Januari 2001, Kementerian mengundang IPRM dan beberapa agensi kerajaan yang berkenaan untuk membincangkan cadangan APPRM. Turut dijemput ialah Bernama, Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Kewangan, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Institut Teknologi Mara. Mewakili IPRM ialah Syed Arabi Idid, Mohd Hamdan Adnan dan Doris Lim. Cadangan penggubalan APPRM oleh IPRM telah disambut baik oleh semua peserta yang hadir.

---

Pada bulan April 2003 suatu Forum telah diadakan di bawah anjuran bersama Kementerian Penerangan dan IPRM. Matlamat utama forum adalah untuk mencari strategi terbaik untuk meningkat dan memajukan amalan perhubungan raya di Malaysia. Seramai 150 pengamal PR telah menyertainya dan 127 orang daripadanya mahukan Kementerian Penerangan dan IPRM untuk memulakan proses penggubalan APPRM secepat mungkin.

Empat resolusi signifikan hasil daripada Forum tersebut ialah:

- 
- (1) Amalan perhubungan raya harus dikawalselia oleh pihak berkuasa yang sesuai.
  - (2) Pendidikan dan latihan perhubungan raya haruslah diakreditasikan dan dipantau.
  - (3) Pengamal perhubungan raya perlu sentiasa meningkatkan kepakaran dan terlibat di dalam pendidikan sepanjang hayat.
-

- (4) Pihak pimpinan pengurusan atasan yang termasuk tokoh politik umumnya didapati masih kabur mengenai kepentingan perhubungan raya dan mereka seharusnya diberi pendidikan sewajarnya mengenai perhubungan raya dan mustahaknya.

---

Seterusnya, para peserta Forum menggesa Kementerian Penerangan dan IPRM untuk berkerjasama untuk mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap melaksanakan resolusi. Dalam Forum ini, Presiden IPRM Professor Dato' Mohd Hamdan Adnan menggambarkan senario negatif perhubungan raya di Malaysia tanpa sebarang perundangan menyeliaanya dan betapa penting ia digubalkan segera. Di antaranya termasuklah:

- 
- (1) Industri dan amalan perhubungan raya di Malaysia masih tidak stabil dan pengamalanya tidak bersatu walaupun perkembangannya adalah pesat.
  - (2) Kedudukan amalan perhubungan raya sebagai profesion yang tulen dan diiktiraf masih dipersoalkan.
  - (3) Amalan perhubungan raya masih dianggap melibatkan kegigatan-kegiatan tidak beretika.
  - (4) Hanya segelintir pengamal perhubungan raya adalah ahli badan profesional perhubungan raya seperti IPRM.
  - (5) Masih berlaku ketidaksefahaman dan perpaduan jika tidak permusuhan di antara badan-badan profesional perhubungan raya.
  - (6) Pendidikan dan latihan perhubungan raya masih dianggap tidak memenuhi keperluan industri.
  - (7) Sekim akreditasi IPRM tidak mendapat sambutan yang menggalakkan walaupun dimajukan secara aktif.
  - (8) Tidak wujud agensi kerajaan yang khusus untuk memastikan amalan perhubungan raya di Malaysia tidak memburukan nama baik profesion dan negara.

---

Namun begitu, Hamdan mengakui bahawa iklim untuk memperkenalkan APPRM adalah cukup sesuai dan tiba masanya. Persekitaran yang merangsangkan ini termasuklah:

- 
- (1) Hampir kesemua pengamal perhubungan raya di Malaysia kini adalah berkerja sepenuh masa sama ada dalam agensi kerajaan, syarikat atau pertubuhan masyarakat.
-

- (2) Hampir kesemua pengamal perhubungan raya di Malaysia memiliki kelayakan dan latihan serta pengalaman yang sesuai untuk profesion mereka.
- (3) Semakin ramai pengamal perhubungan raya berkelulusan institut pengajian tinggi dalam bidang berkaitan dengan perhubungan raya.
- (4) Sekumpulan ilmu mengenai amalan perhubungan raya kian berkembang bukan sahaja di peringkat global tetapi juga tempatan.
- (5) Jumlah institut pengajian tinggi (IPT) menawarkan pengkhususan dalam jurusan komunikasi dan perhubungan raya kian bertambah bukan sahaja di peringkat global tetapi juga tempatan.
- (6) Tahap pendidikan perhubungan raya kian meningkat dan berkualiti dari peringkat sijil sehingga kedoktoran bukan sahaja di peringkat global tetapi juga di Malaysia.
- (7) Pendidik dan jurulatih perhubungan raya kini kian berpendidikan dan terlatih serta memiliki pengalaman yang sesuai bukan sahaja di peringkat global tetapi juga di Malaysia.

---

Seterusnya pada tahun 2010 IPRM mengeluarkan suatu kenyataan media yang menyebut bahawa selepas 50 tahun penubuhannya masih tidak wujud sebarang instrumen pendaftaran mengenai pengamal PR di Malaysia. Maka IPRM mengharapkan bahawa melalui APPRM wujudlah suatu pendaftaran dan pelesenan yang wajib bagi sesiapa yang mengaku menjadi seorang pengamal PR profesional. Juga, melalui APPRM diharapkan perkembangan industri perhubungan raya akan lebih sistematik dengan adanya standard amalan terbaik dan peningkatan kewujudan para pengamal yang terlatih dan berpengalaman dengan mekanisme akreditasi wajib seperti di dalam profesion yang dianggap tulen.

---

***Di Amerika Syarikat, Edward Bernays yang dianggap selaku pelopor utama perhubungan raya di penghujung hidupnya turut berusaha untuk mengadakan suatu akta untuk menjadikannya sebagai suatu profesion yang diiktiraf oleh undang-undang. Namun begitu, beliau gagal merealisasikannya sehingga beliau meninggal. Bernays merintih seperti berikut: "If our profession was regulated, it would give our vocation a status comparable to lawyers, architects, and doctors. Without it any crook, nitwit, dope, charlatan or ignoramus can use the words public relations."***

Semasa penulis berada di Boston University selaku pelajar sarjana perhubungan raya ia dan rakan-rakan sekuliahnya dibawa untuk menemui Bernays semasa itu berada di

New York. Penulis ini masih ingat apa yang dikatakan kepada kami selaku pelajar perhubungan raya. Menurut Bernays: *"by having a public relations law, public relations professionals would be better respected. Further, it will attract more qualified and ethical practitioners while attracting more universities to offer public relations education."* Semasa itu pun penulis mengakui kebenaran kenyataan Edward Bernays dan kini selaku pensyarah perhubungan raya, masih berusaha untuk menjadikannya suatu realiti di Malaysia demi memartabatkan profesion ini.

### **Kedudukan Amalan Perhubungan Raya Di Malaysia**

Kini di Malaysia hampir kesemua organisasi, sama ada yang swasta atau kerajaan ataupun pertubuhan bukan kerajaan mahupun besar atau sederhana kian memerlukan perkhidmat profesional perhubungan raya. Juga, didapati kian banyak organisasi kecil turut memerlukan perkhidmatan perhubungan raya bagi meningkatkan daya saing mereka di dalam dunia global yang kian bersaing hebat.

Pula, di Malaysia, kerajaan semakin menjadi majikan utama bagi pengamal perhubungan raya. Perkembangan ini jelas dengan hampir semua agensi kerajaan sama ada di peringkat persekutuan, negeri dan pihak berkuasa tempatan kian mendapatkan perkhidmatan perhubungan raya. Jabatan Penerangan sendiri sebenarnya adalah majikan terbesar bagi pengamal perhubungan raya. Fenomena kerajaan sebagai majikan terbesar menggunakan perkhidmatan profesional perhubungan raya bukanlah terjadi di Malaysia sahaja. Ia berlaku di hampir setiap negara yang mahu berhubung dengan rakyatnya secara berkesan dan interaktif supaya dilihat sebagai mesra rakyat dan mengamalkan urustadbir baik (good governance) untuk memberi makna selaku negara demokrasi.

Maka, tidak hairanlah bahawa industri perhubungan raya di Malaysia diakui sedang berkembang pesat. Ini bukan sahaja dari segi jumlah pengamal dan agensi perunding tetapi juga daripada mutu, standard dan keprofesionalan. Juga, didapati bahawa pengamal-pengamal perhubungan raya kita kian mampu berdaya saing di peringkat global dan ada yang bertugas di luar negara.

Peningkatan industri dan keprofesionalan perhubungan raya ini menunjukkan bahawa tiba masanya profesion ini diiktiraf dan dimartabatkan melalui suatu perundangan yang bergelar Akta Profesion Perhubungan Raya. Perlu ditegaskan bahawa setiap profesion yang diiktiraf ada aktanya sendiri. Akta ini didapati telah meningkatkan keyakinan penggunaanya. Maka, ini memajukan lagi profesion berkenaan serta para pengamalnya. Dengan adanya akta profesion berkenaan maka sesiapa

melanggar peraturan-peraturannya boleh didakwa dan hukuman yang setimpal dikenakan.

Bagaimanapun, ini tidak membunuh mana-mana profesion yang memiliki akta mengiktirafnya. Malah, ia meningkatkan penerimaan profesion berkenaan. Contohnya, di Malaysia sebelum digubal suatu akta bagi mengawal jurujual insurans imej industrinya adalah agak negatif tetapi dengan adanya undang-undang berkenaan citranya bukan sahaja pulih tetapi terus meningkat kerana peningkatan keyakinan pengguna terhadapnya. Penulis hampir didakwa oleh persatuan insurans berkenaan semasa melobi penggubalan akta ini kerana dituduh menjatuhkan imej industri insurans berkenaan.

---

Juga, perlu ditegaskan bahawa Akta Pengamal Perhubungan Raya ini bukan bertujuan untuk menyekat liberalisasi dagangan global. Matlamat Akta ini adalah bagi memastikan bahawa PPR tempatan dan luar memiliki akreditasi sama ada diiktiraf oleh negara sendiri atau negara asal/asing pengamal berkenaan. Yang penting adalah setiap seseorang sama ada warganegara atau warga asing yang digelar dirinya sebagai profesional perhubungan raya di Malaysia wajib ada akreditasi atau pengesahan keprofesionalan. Ini adalah bagi memastikan bahawa nama baik negara kita serta profesion perhubungan raya tidak dinodai. Ini adalah selaras dengan matlamat atau tuntutan badan-badan profesional perhubungan raya bersifat global.

Peraturan ini tidak sepatutnya dilihat sebagai menyekat liberalisasi. Ini kerana pengamal yang layak atau sah tidak seharusnya takut kepadanya. Malah ia wajar menyokongnya kerana menjamin kepentingan profesionnya. Pula, akreditasi yang diperlukan bolehlah datang daripada negara asalnya atau tempat ia bertugas. Yang penting adalah mana-mana agensi yang mahu membawa kepakaran luar perhubungan raya harus memastikan yang dia benar-benar layak. Ini supaya ia tidak menghalang pengamal perhubungan raya tempatan untuk mencapai kemampuan sepenuhnya.

Kini, sistem dan kaedah pentauliahan atau akreditasi pengamal perhubungan raya telah pun disediakan oleh Institut Perhubungan Raya Malaysia atau lebih dikenali sebagai IPRM. Sesiapa yang berkerjaya perhubungan raya dan memiliki pengamalan lebih lima tahun serta pendidikan atau latihan yang sesuai bolehlah memohon untuk diakreditasi. Borang akreditasi bolehlah diperoleh daripada IPRM.

Juga, perlu ditegaskan bahawa profesion perhubungan raya ini kian turut menarik minat individu-individu yang dilatih dalam bidang lain. Ini tidak menjadi masalah asalkan mereka ini sanggup mengambil kursus-kursus yang asas dalam profesion perhubungan raya dan menduduki peperiksaan yang disediakan oleh badan profesion perhubungan raya



yang diiktiraf oleh kerajaan, seperti IPRM. Keperluan ini adalah asas seperti dalam profesion-profesion lain. Iaitu, di mana seseorang yang mahu menjadi pengamal profesion berkenaan harus menduduki kursus dan peperiksaan yang diwajibkan dan lulus sebelum diiktiraf sebagai profesional kerjaya itu.

Di Malaysia kini beberapa institusi pendidikan tinggi telah lama menawarkan pengkhususan perhubungan raya. Sebenarnya, IPRM telah menawarkan kursus keprofesionalan perhubungan raya sejak 1971 lagi dan telah melatih lebih 6000 profesional. Pula, Universiti Teknologi Mara atau UiTM telah memulakan pengkhususan dalam bidang perhubungan raya sejak 1972. Kini, lebih daripada sepuluh institusi pengajian tinggi sama ada kerajaan atau swasta telah memulakan beberapa kursus dalam bidang yang berkaitan dengan perhubungan raya. Bagi institusi pendidikan kerajaan ia termasuklah Universiti Sains Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia, Universiti Malaysia Sabah, Universiti Putera Malaysia, dll. Di pihak swasta ia termasuklah Sunway Universiti, UNISEL, Universiti College Islam, HELP, Wawasan Open University, dll.

Akta Profesion Perhubungan Raya ini diharap dapat merangsang institusi-institusi pengajian tinggi lain sama ada kerajaan atau swasta untuk menawarkan bidang pengkhususan dalam profesion perhubungan raya. Ini termasuklah bagi kolej komuniti.

Maka, Akta ini mampu untuk memastikan jumlah profesional perhubungan raya yang telatih dan cekap bukan sahaja mencukupi tetapi sihat bersaing untuk mendapat pekerjaan yang sesuai dengan pendidikan dan latihan mereka di dalam dan luar negara.

Tuduhan bahawa graduan perhubungan raya kita tidak memenuhi kehendak industri adalah tidak wajar. Tinjauan mendapati ramai di antara mereka kini memegang jawatan tinggi dan penting dalam organisasi mereka. Ini termasuk dalam sektor swasta dan kerajaan. Perlu ditegaskan bahawa dalam apa jua profesion di peringkat awal pihak majikan sudah pasti perlu memberi pendedahan yang sesuai bagi organisasi berkenaan. Kelemahan dalam Bahasa Inggeris bukanlah terhad kepada graduan perhubungan raya. Ia boleh diatasi dengan pendedahan yang diberi oleh majikan jika itulah bahasa utama gunaannya.

Perlu juga dimaklumkan bahawa graduan perhubungan raya kita umumnya mampu melanjutkan pendidikan mereka di dalam dan luar negara dengan cermelang. Ramai daripada tenaga pengajar graduan daripada universiti tempatan telah berjaya mendapat sarjana dan kedoktoran mereka di universiti-universiti seberang laut seperti di United States of America, England, Australia, New Zealand, dll.

Kini, di Malaysia telah ditubuhkan suatu badan khusus bergelar "Public Relations Educators Chapter" (PREC) atau Badan Pendidik Perhubungan Raya sebagai suatu jawatankuasa khas di IPRM. Penubuhan PREC adalah di atas cadangan penulis ketika memegang jawatan Presiden IPRM dan Pengerusi pertamanya ialah Professor Dr Kiranjit Kaur, pensyarah PR di UiTM. Matlamat utamanya ialah untuk menyatukan pendidik perhubungan raya bagi meningkatkan pendidikan profesion supaya sentiasa semasa dan memenuhi kehendak pasaran di peringkat negara dan global.

Turut dibentuk ialah "Public Relations Students Chapters" (IPRMSA) atau Badan Pelajar Perhubungan Raya. Setakat ini enam badan pelajar perhubungan awam telah bergabung di bawah naungan IPRM. Ia telah ditubuhkan di UiTM, UIA, UUM, USM, UMS, Sunway University dan HELP. Matlamat badan pelajar ini adalah untuk mengadakan kegiatan-kegiatan yang memartabatkan profesion perhubungan raya serta membolehkan para pelajar perhubungan awam berbagai-bagai universiti untuk berkongsi kegiatan dan pengalaman. Juga, bagi memastikan para pelajar perhubungan raya yang cermelang diberi anugerah untuk merangsangkan mereka supaya menjadi profesional perhubungan raya yang hebat. Ia juga bagi memastikan graduan menjadi ahli IPRM.

### **Kebimbangan Mengenai Akta Profesion Perhubunga Raya**

Kebimbangan mengenai APPRM umumnya datang daripada pengamal perhubungan raya yang bertugas sebagai perunding dan berkerja dengan agensi perhubungan raya antarabangsa. Penulis merasakan bahawa bantahan mereka ini adalah bagi pihak majikan mereka yang mahu laluan yang mudah di mana sahaja mereka mencari keuntungan yang besar. Lazimnya, mereka ini akan bersuara lantang apabila adalah acara untuk menerangkan kepentingan APPRM demi meningkatkan martabat profesion PR di Malaysia. Berikut ialah beberapa kebimbangan mereka:

#### **i. Menyekang Liberalisasi**

Seperti yang telah ditegaskan Akta ini bukan bertujuan menyekat liberalisasi. Malah, ia bertujuan untuk memastikan daya saing profesion perhubungan raya serta etika amalannya yang bertaraf global. Etika atau kod praktis perhubungan raya ini bolehlah diubahsuai daripada kod etika perhubungan raya yang digubal oleh institusi-institusi perhubungan raya antarabangsa, seperti Global Alliance (GA) dan International Public Relations Association (IPRA). Liberalisasi pengamalan perhubungan raya akan mengakibatkan kerjaya bidang ini tidak akan mencapai potensi sebenarnya.

#### **ii. Menyekang Pertumbuhan Profesion Perhubungan Raya**

Alasan ini tidak munasabah. Jika, kita lihat profesion-profesion lain yang memiliki perundangan untuk mengawal kelayakan dan kod etika amalan kita pasti mendapati kesemuanya lebih diyakini dan memiliki tahap keprofesionalan yang tinggi. Akta tersebut akan menggalakkan kesemua institusi pendidikan yang menawarkan kursus perhubungan raya untuk meningkatkan keprofesionalannya. Juga, Akta akan memudahkan lagi untuk meningkatkan pendidikan perhubungan raya. Pula, Akta ini akan memastikan bahawa profesional perhubungan raya turut menyumbang kepada kepentingan masyarakat dan negara.

### **iii. Akta Tidak Meningkatkan Imej Perhubungan Raya**

Akta sepatutnya membantu meningkatkan imej amalan perhubungan raya. Ini kerana ia memastikan bahawa pengamal perhubungan raya memberi keutamaan kepada kepentingan masyarakat dan negara serta tahap pendidikan yang sesuai dan amalan yang beretika. Lazimnya, sekiranya dibuat secara sukarela keutamaan mudah diberi kepada majikan atau pelanggan yang memberi upah dan ganjaran. Ini adalah resam manusia. Juga, tanpa suatu Akta yang menyeluruh agensi-agensi global perhubungan raya boleh dengan senang menepikan kepentingan masyarakat tempatan dan negara mahupun kerajaan. Melalui Akta ini semua pengamal perhubungan raya yang bangga akan profesionnya harus bekerjasama untuk mengharumkan imejnya.

Jelaslah bahawa kebimbangan bahawa Akta Perhubungan Raya mengekang kemajuan profesion dan anti liberalisasi adalah tidak berasas. Sebaliknya, Akta ini mampu meningkatkan keupayaan kemahiran dan semangat beretika di kalangan profesional perhubungan raya di Malaysia. Kesemua ini akan membantu mengupayakan profesional perhubungan raya kita untuk bersaing dengan keyakinan pada zaman liberalisasi dan globalisasi.

### **Faedah Akta Profesion Perhubungan Raya**

- i. Memastikan pengiktirafan dan pemertabatan profesion perhubungan raya di Malaysia.
- ii. Memastikan takrifan, matlamat dan skop amalan profesion perhubungan raya. Kesemua ini bolehlah diguna pakai dan diubahsuai bagi keperluan Malaysia daripada "The Chartered Institute of Public Relations Royal Charter, United Kingdom.
- iii. Memastikan profesional perhubungan raya di Malaysia memiliki pendidikan, latihan dan pengalaman yang sesuai sebelum diiktiraf selaku pengamal yang bertauliah. Ini adalah selaras dengan profesion-profesion lain di Malaysia yang dilindungi melalui Akta.

- iv. Memastikan bahawa setiap profesional perhubungan raya akan sentiasa mengemaskinikan ilmunya melalui keperluan pendidikan sepanjang hayat. Keperluan ini kian ditekankan dalam profesion-profesion yang menghadapi perkembangan ilmu bidang masing-masing berlaku dengan secepatnya. Iaitu, jika ilmunya tidak dikemaskinikan ia boleh ketinggalan zaman atau menjadi usang. Ilmu dan kemahiran dalam profesion perhubungan raya perlu sentiasa dikemaskinikan memandangkan maklumat dan saluran komunikasi paling cepat dan pesat berkembang.
- v. Memastikan bahawa setiap profesional perhubungan raya di Malaysia turut memberi sumbangan kepada masyarakat dan profesionnya demi kepentingan komuniti dan negaranya.
- vi. Memastikan adanya suatu kod amalan perhubungan raya beretika yang berasaskan perundangan dan boleh dikuatkuasakan apabila perlu. Kini, Institut Perhubungan Raya Malaysia (IPRM) memiliki Kod Etika dan Perilaku Profesional Perhubungan Raya. Juga, IPRM turut merujuk kepada kod etika dan amalan profesional yang digubal oleh badan-badan perhubungan raya sejagat seperti Global Alliance (GA) dan International Public Relations Association (IPRA).
- vii. Memastikan bahawa setiap profesional perhubungan raya Malaysia mematuhi kod perilaku amalan perhubungan raya yang beretika.
- viii. Memastikan bahawa adanya badan yang akan sentiasa memantau perkembangan dan pengamalan industri dan profesional perhubungan raya supaya kepentingan dan kebajikannya terjamin.
- ix. Memastikan perhubungan raya sebagai profesion membina reputasi, komunikasi interaktif dan pelaksanaan tanggungjawab sosial bergiat dengan lebih telus dan bertanggungjawab.
- x. Memastikan akauntabiliti dan kredibiliti dalam profesion perhubungan raya.
- xi. Memastikan kegiatan-kegiatan negatif perhubungan raya seperti "spin doctoring", "flacks", "astroturfing", "opponent defining", "fronting" dan sebagainya dilarang kerana ia akan menjejaskan imej profesion perhubungan dan kepentingan awam. Kegiatan seperti "lobi" juga dapat dikawal dengan lebih baik.
- xii. Memastikan bahawa pengamal perhubungan raya akan mematuhi undang-undang seperti Akta Hasutan, Akta Rahsia Rasmi, Akta Perihal Dagangan dan sebagainya demi kepentingan masyarakat dan negara.

## Rumusan

Alasan yang diberi bahawa pengamal perhubungan raya tidak perlu dikawal oleh akta kerana ia dalam bidang perundangan dan tidak seperti profesion doktor perubatan, peguam, arkitek, jurutera atau jurukira yang melibatkan nyawa dan implikasi perundangan seharusnya tidak boleh diterima. Profesion perhubungan raya lebih mudah mengakibatkan huru-hara dalam sesebuah negara jika tidak dikawal dengan rapi. Ini kerana pengamalnya adalah pakar komunikasi dan pendapat umum yang jika dibiarkan tanpa akta boleh mudah disalahgunakan. Lagi-lagi dalam zaman teknologi komunikasi tinggi dan penggunaan meluas media sosial. Sekiranya, doktor salah bagi ubat mungkin ada beberapa kematian. Jika, arkitek salah buat bangunan mungkin ada yang akan roboh yang juga mengakibatkan kematian. Serupa juga dengan jurutera. Jika peguam tidak cekap memang anak guamannya akan tidak dapat keadilan. Tetapi jika pengamal perhubungan raya salah gunakan kepakarannya satu negara boleh musnah. Ini kerana profesion perhubungan raya cukup terlibat dalam berbagai-bagai kaedah dan saluran komunikasi serta sentiasa berusaha mempengaruhi pendapat umum.

Kita semua tahu akibat bergantung pada kuasa pasaran untuk menghukum para profesional yang lembap, cuai atau terlalu memikirkan ganjaran. Banyak masalah negara seperti krisis ekonomi dan masalah sosial adalah akibat terlalu liberal atau mengharapkan para profesional untuk mengawal selia sendiri.

Kini empat negara, iaitu Greece, Brazil, Nigeria dan Panama telah menggubal akta yang berkaitan dengan profesion perhubungan raya. Di United Kingdom pula profesion perhubungan raya telah dianugerahkan piagam di raja bagi memartabatkannya supaya para pengamalnya mematuhi kod etika dan perlakuan profesionalnya dan jika tidak memathuinya boleh dipecat daripada profesion perhubungan raya.

Setiap negara sudah tentu ada sebab-sebabnya sendiri bergantung pada persekitaran atau faktor-faktornya yang unik. Berasaskan keadaan semasa dan proses globalisasi adalah dirasakan bahawa tiba masanya Malaysia mengadakan Akta Profesion Perhubungan Raya. Kita bolehlah mengambil rujukan daripada akta-akta yang sedia ada, lagi-lagi daripada United Kingdom. Ini kerana sebilangan undang-undang awal kita adalah berasal daripada United Kingdom.

Perlu juga ditegaskan bahawa hasil tinjauan UiTM/IPRM 2010 yang ketika itu penulis adalah Presiden IPRM dan pensyarah di UiTM telah mendapati bahawa 38 peratus responden merasakan bahawa Akta ini mampu meningkatkan standard dan amalan

perhubungan raya di Malaysia. Seramai 20.5 peratus pula Akta ini akan menjadi pemangkin untuk meningkatkan keprofesionalan perhubungan raya.

Seterusnya, suatu kempen menyokong pengubalan Akta Profesion Perhubungan Raya yang dipengerusikan oleh penulis yang mengandungi beberapa taklimat yang telah diberi kepada pengamal perhubungan raya di Kuala Lumpur, Kota Kinabalu, Penang, Labuan, Ipoh, Melaka dan lain-lain mendapati sebilangan besar menyokongnya. Malah Mesyuarat Agong IPRM pada bulan September 2010 menyokong pengubalan Akta Profesion Perhubungan Raya. Ia turut disokong oleh Badan Pendidik Perhubungan Raya Malaysia dan Badan Pelajar Perhubungan Raya Malaysia.

### **Saranan**

Adalah dipohon semoga YB Menteri Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia bertindak seperti berikut untuk merealisasikan Akta Profesion Perhubungan Raya Malaysia atau APPRM:

- a) Mengambil maklum mengenai kepentingan untuk menggubal suatu Akta Profesion Perhubungan Raya Malaysia.
- b) Membawa usul mengadakan Akta Profesion Perhubungan Raya ini ke peringkat yang berkenaan, iaitu di Kabinet dan di Parlimen.
- c) Menyokong usul mengadakan Akta Profesion Perhubungan Raya supaya ia menjadi suatu kenyataan.

## Rujukan

Baskin, Otis & Arnoff, Craig (1992). **Public Relations: The Profession and The practice, 3<sup>rd</sup> Edition**. New Jersey: Brown and Benchmark.

Bernays, Edward L (1965). **Biography of an Idea: Memoirs of Public Relations Counsel**. New York: Simon & Schuster.

Heath, Robert L (2013). **Encyclopaedia of Public Relations, 2<sup>nd</sup> Edition**. Houston: Sage.

Mohd Hamdan Adnan (2010). **Government & Political Public Relation: An Introduction**. Shah Alam: UPENA.

Mohd Hamdan Adnan (2010). **A Dictionary for Communications and Public Relations Practice**. Shah Alam: UPENA.

IPRM Homepage

Reed, John M (1994). **Reed's Worldwide Directory of Public Relations Organization Volume 4**. Washington DC: Pigafetta Press.

[www.prmuseum.com/bernays/bernays\\_](http://www.prmuseum.com/bernays/bernays_)